**TULAR KOSMO! ONLINE**



# Gerai burger dikunjung IShowSpeed disita

PETALING JAYA – Sebuah gerai burger yang tular setelah dikunjungi pencipta kandungan YouTube, IShowSpeed, baru-baru ini telah disita Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) semalam.

Sitaan itu dijalankan Jabatan Penguatkuasaan dan Pejabat Cawangan Lembah Pantai DBKL menerusi operasi khas pindah halangan serta kerusi meja.

Menurut DBKL, pihaknya menerima aduan pada penghujung Ogos lalu, mengenai gerai-gerai di sekitar Jalan Bangsar Utama yang meninggalkan barangan perniagaan di tempat awam sehingga menyebabkan halangan di lokasi terbabit.

